

LAPORAN KHAS

Oleh: Makmor Tumin



PERLUKAH TUNTUTAN HARTA INTELEK DALAM EKONOMI DIGITAL?

Sebelum adanya revolusi teknologi maklumat dan komunikasi (TMK), semua sistem perdagangan antarabangsa yang berkaitan dengan peredaran bahan pengetahuan dan hiburan berlaku secara fizikal atau bersemuka, yakni secara amnya, barangan yang didagangkan boleh dikawal peredarannya dengan lebih mudah.

Namun begitu, dengan adanya revolusi digital, konsep perdagangan kini telah berubah dalam bentuk elektronik. Keadaan ini tidak memungkinkan kawalan dan pemantauan peredaran barangan dapat dilakukan dengan berkesan. Bahan pengetahuan dan hiburan yang umumnya terhasil daripada informasi, teknologi dan intelek beredar dengan sekelip mata melalui hanya butang “klik”. Hal ini bukanlah bermakna bahawa sebelum ini peredaran barangan berkenaan dapat dikawal dengan sepenuhnya, namun disebabkan mesin fotostat, mesin *CD burner* dan mesin pencetak berteknologi tinggi telah ada. Oleh sebab sifat dagangannya yang masih bersemuka itu, kaedah kawalan dan sekatan kegiatan cetak rompak masih dapat dilakukan.

Apabila kegiatan ekonomi dijalankan secara digital, bahan tersebut tidak lagi perlu difotostat, cakera padat tidak perlu lagi menyalin data dokumen dan bahan bercetak juga tidak perlu lagi berada di cetak kerana melalui teknologi digital atau eletronik Internet kesemuanya sudah boleh disalin beribu-beribu kali dan diberikan kepada sesiapa sahaja. Kesemua ini pula dapat dilakukan bukan sahaja tanpa perlu meningkatkan sebarang kos, malah dapat dilakukan dengan sekelip mata melalui beberapa klik sahaja. Sukarnya sekatan peredaran bahan pengetahuan atau hiburan dalam sistem ekonomi

digital ini menyebabkan hasrat untuk mengumpul laba bermuara dengan kerugian berbilion ringgit, sekali gus menggagalkan sistem pasaran terbuka dalam ekonomi digital.

Sememangnya, tidak dapat dinafikan terdapatnya beberapa laman sesawang yang sengaja dibangunkan bertujuan semata-mata untuk mendapatkan bahan secara percuma seperti perisian, filem, e-buku, gambar, muzik dan lain-lainnya secara percuma. Laman sesawang seperti BitTorrent, Library Genesis, Pirate Bay, SciHub, Projek Gutenberg dan banyak lagi amat kerap dikunjungi bagi mendapatkan barangan digital secara tanpa bayaran itu. Maka itu, bukanlah sesuatu yang menghairankan jika firma pengeluar berusaha habis-habisan untuk membolehkan aktiviti klik rompak seumpama ini dibanteras melalui penguatkuasaan undang-undang yang berkaitan dengan hak harta intelek.

Meskipun tidak dinafikan terdapat banyak undang-undang antarabangsa yang berkaitan dengan hak harta intelek, namun hal ini bukanlah peluru ajaib. Sebenarnya, penguatkuasaan undang-undang berkenaan amat bergantung pada kesediaan negara tertentu untuk melaksanakannya dan mestilah difahami sebagai hak istimewa negara individu sama ada sesuai, munasabah dan sudah tiba masanya atau tidak untuk menguatkuasakannya. Dua badan antarabangsa yang digunakan oleh firma besar dunia bagi menformulasi undang-undang dan memastikan penguatkuasaannya adalah Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) yang diwujudkan pada tahun 1995 dan Pertubuhan Harta Intelek Dunia (WIPO) yang telah wujud sejak tahun 1967.

Timbul beberapa persoalan yang wajar dilontarkan berkaitan dengan isu hak harta intelek ini. Antaranya ialah, "Siapakah yang memberi tafsiran bahawa bahan pengetahuan baik dalam bentuk informasi, teknologi mahupun intelek

itu adalah hak harta yang mesti diiktiraf sama kedudukannya seperti dalam hak harta lain, misalnya tanah, rumah dan kenderaan?" "Bagaimanakah perkara ini boleh diterima akal atau munasabah?" "Siapakah atau negara manakah yang beruntung dengan adanya undang-undang yang berkaitan dengan hak harta intelek yang dibangunkan pada peringkat antarabangsa itu?" dan "Bagaimanakah undang-undang boleh dipaksa untuk dikuatkuasakan di setiap negara di dunia ini?"

Dari sudut pandang sistem pasaran bebas pada masa ini, kerajaan perlu memainkan peranan bagi memastikan bahawa tindakan yang diambil ke atas mereka yang didakwa sebagai lanun Internet yang mendapat faedah daripada barangan dan perkhidmatan tanpa mengeluarkan sebarang kos, misalnya perisian, buku, gambar dan video, yang diutarakan tadi. Menurut perspektif tersebut, pemerintah di sesebuah negara tidak boleh menganggap bahawa terserah kepada hak negara tertentu sama ada mahu menguatkuasakan atau tidak kerana hak ke atas harta intelek itu adalah hak mutlak mereka. Ertinya, setuju atau tidak setuju, suka atau tidak suka, hal ini mesti dikuatkuasakan juga. Tujuannya adalah untuk memastikan bahawa para pengusaha mendapat ganjaran yang sewajarnya dengan kos yang dilaburkan.

Sekiranya barangan mereka terus diklik rompak oleh pihak lain secara percuma, maka tiadalah lagi insentif atau dorongan bagi pengusaha untuk terus melabur. Sekilas pandang, hujah seumpama ini amatlah masuk akal, namun perlu juga difahami dari manakah hujah seumpama ini dibina? Penghasilan perisian, video, gambar dan buku tentulah memerlukan informasi dan daya intelek, tetapi intelek sebelumnya tidak pernah difahami sebagai harta sebagaimana harta fizikal, apatah lagi memberikan justifikasi hak undang-undang harta



intelek kepada individu atau firma yang memanfaatkan pengetahuan tersebut dalam sistem perdagangan. Malah, jika dimudiki dari segi sejarah, hak ke atas harta seperti tanah, rumah dan kenderaan hanya mempunyai status hak dari segi undang-undang kepada individu atau firma bermula kira-kira 350 tahun yang lalu. Ahli falsafah kuno umpamanya, lebih mengiktiraf hak komuniti atau hak negara terhadap sesuatu barangan, bukannya hak individu atau perusahaan tertentu.

Sebelum abad pencerahan di dunia Barat, iaitu pada kurun ke-16 dan ke-17, orang yang kuat beragama (umumnya tanpa mengira agama, asalkan mempunyai kepercayaan kepada Tuhan) meyakini bahawa segala yang ada di dunia ini, termasuklah diri sendiri merupakan hak Tuhan dan pinjaman sementara, yakni tiada sesiapa pun yang dapat mendakwa berhak ke atas diri dan harta berkenaan melainkan Yang Maha Berkuasa dan pinjaman berkenaan. Pada zaman itu, tidak dapat dibayangkan cara-cara untuk menerima hujah hak ke atas harta intelek kerana pengetahuan itu adalah amanah daripada Tuhan yang mesti disampaikan kepada orang lain.

Setelah manusia menolak konsep kepercayaan kepada agama dan menerima konsep hak individu, sekali gus menolak hak Tuhan, lantas mengutamakan kemampuan daya intelek manusia, maka bermulalah idea hak pemilikan harta kepada individu atau perusahaan itu. Pada peringkat itu, pemilikan individu atau firma adalah lebih kepada perihal pemilikan harta fizikal.

Idea hak harta intelek sememangnya sudah wujud lebih daripada 100 tahun yang lalu. Namun begitu, sejak kira-kira empat dekad kebelakangan ini, hujah yang berkaitan dengan hak individu dan firma terhadap tuntutan harta intelek menjadi semakin lantang. Tuntutan ini jelas kelihatan dalam kalangan

firma negara kapitalis sebagaimana yang mereka tegaskan dalam Persidangan Menteri WTO dan WIPO.

Dari perspektif lain, iaitu perspektif yang disebut sebagai Merkantilisme, memang didapati ada keperluan yang amat munasabah dan kadangkala mendesak bagi negara tertentu, terutamanya negara membangun, untuk mempertahankan hak harta intelek yang dibangunkan di dalam negaranya sendiri bagi membolehkan negara berkenaan bersaing di pentas antarabangsa. Berdasarkan perspektif ini, situasi ini amat masuk akal untuk mempertahankan hak harta intelek keluaran firma dalam negara sendiri, tetapi adakah masuk akal untuk mempertahankan dan menguatkuasakan hak harta intelek firma yang datang dari negara lain?

Sewajarnya, perkara ini dapat dibezakan bahawa sesetengah barangan mempunyai nilai sosial atau asasi seperti pendidikan, perubahan dan keperluan asas manusia yang lain. Sesetengah barangan lain pula merupakan barangan ekonomi, iaitu hanya boleh diperoleh melalui proses jual beli, perisian aksesori, filem hiburan, muzik dan seumpamanya yang tidak menjadikan seseorang itu mati atau jahil jika tidak memilikinya. Hal ini membawa pengertian bahawa pemahaman yang lebih meluas dan pendekatan yang lebih seimbang mengenai isu hak harta intelek ini perlulah diambil, baik dari segi agama mahupun dari segi perhitungan untung dan ruginya.

Sedia tuntasnya, tidak wajar jika seseorang itu berhujah hak ke atas harta intelek itu dihapuskan secara mutlak atau meminta pemerintah menguatkuasakannya secara membabi buta, dengan mengikut undang-undang antarabangsa mengenai hak harta intelek negara kaya. Sekiranya, hak harta intelek hendak diberikan secara eksklusif kepada barangan aksesori yang bersifat hiburan dan kepentingan golongan elit, maka mungkin sesuai untuk hak ke atas harta intelek berkenaan dikuatkuasakan. Namun begitu, apabila melibatkan masalah seperti rendah mutu ilmunya, keterancaman nyawa manusia dan keperluan asas yang lain, tentulah kepentingan golongan bawahan dalam hak asasi seperti ini perlu diutamakan. Pendekatan yang seimbang dalam menangani isu hak harta intelek dalam ekonomi digital membawa pengertian bahawa sungguhpun secara amnya hak harta intelek itu perlu dihormati dan dipatuhi, namun perlu ada hierarki barangan dan perkhidmatan yang perlu diberikan hak harta intelek itu.

Sememangnya semasa pertengahan tahun 1990-an, pernah terjadi di wilayah Afrika seperti di negara Afrika Selatan sendiri, yakni kebanyakan warganegaranya menderita dan mati berpunca daripada penyakit HIV. Pada hakikatnya, kematian dan penderitaan itu bukan disebabkan oleh tiada rawatan perubatan, tetapi disebabkan oleh masalah harga ubat



Pendekatan yang seimbang dalam menangani isu hak harta intelek dalam ekonomi digital menunjukkan keterbukaan negara yang berwawasan.



Pada penghujung tahun 1990-an, firma farmasi pernah dikecam kerana mengutamakan monopoli paten daripada menyelamatkan nyawa pesakit.

yang tinggi, iaitu *antiretroviral drugs* (AIDS cocktail) dan hanya mampu diakses oleh golongan berkemampuan. Dalam konteks ini, tentulah hak pesakit perlu diutamakan lebih daripada hak paten yang diberikan kepada farmasi pengeluar ubat berkenaan.

Kempen besar-besaran menentang *patent right* berkenaan pernah diadakan di penghujung tahun 1990-an dengan melaungkan slogan *Patent Rights versus Patient Rights*. Firma farmasi telah dikecam kerana mengutamakan monopoli paten daripada menyelamatkan nyawa pesakit. Kesudahannya, firma farmasi terpaksa tunduk dengan tuntutan masyarakat dunia untuk tidak memaksa negara tunduk kepada undang-undang antarabangsa berkaitan hak harta intelek berkenaan.

Umumnya mengetahui, undang-undang mengenai harta intelek ini sememangnya sangat banyak. Di bawah WTO sendiri misalnya, ada peraturan yang disebut sebagai TRIPS (*Trade-Related Aspects of Intellectual Property Rights*). Dengan mematuhi dan menguatkuasakan peraturan ini, negara yang menganggotai WTO akan mendapat faedah perdagangan yang lain.

Ahli sains politik, Susan K. Sell serta peniliti bidang ekonomi politik antarabangsa seperti David N. Balaam menanggapi dengan teliti kegiatan WTO ini, umpamanya impak negosiasi dagangan yang berlaku antara tahun 1986 hingga 1994 yang disebut sebagai Pusingan Uruguay (*Uruguay Round*). Daripada pusingan inilah WTO secara rasmi ditubuhkan dan perjanjian tentang hak harta intelek diputuskan, yang disebut sebagai TRIPS sebelum ini.

Melalui perjanjian ini, negara yang mendapat faedah perdagangan melalui WTO mesti mematuhi TRIPS berkenaan yang membawa implikasi anggota WTO akan tertakluk mematuhi undang-undang hak harta intelek dan percabaran pelanggaran undang-undang berkenaan akan diletakkan di bawah mekanisme *Dispute Resolution* WTO berkenaan. Bukan setakat ada harga yang perlu dibayar, tetapi juga ada hukuman yang sedang menunggu apabila sesebuah negara itu menganggotai WTO berkenaan dan melanggar undang-undang tersebut.

Wajar diakui bahawa sesungguhnya setiap negara itu mempunyai sejarah, norma hidup dan budayanya tersendiri, yakni mereka mempunyai keperluan dan cara hidup yang amat berbeza dengan negara lain. Hal

ini membawa pengertian bahawa penguatkuasaan undang-undang berkenaan tidak mudah untuk diterima oleh negara tertentu untuk dikuatkuasakan. Paling mudahnya, selain daripada perihal rawatan dan ubat-ubatan yang disentuh sebelum ini, adalah berbeza mengikut negara, keperluan untuk meningkatkan kualiti pendidikan dengan mendapatkan buku-buku elektronik secara percuma di alam maya tanpa mengikut proses jual beli sah dalam ekonomi digital. Perkara seumpama ini bukan sahaja berlaku secara meluas tanpa adanya kawalan dan pemantauan daripada pihak negara tertentu, tetapi juga tidak dilihat sebagai suatu isu penyalahan boncengan gratis yang serius kerana pengetahuan atau ilmu adalah sebahagian daripada perkara asasi dalam meningkatkan pendidikan. Kita tentunya amat berterima kasih kepada pengarang dan penerbit yang secara rasminya membenarkan bahan intelek mereka dicetak atau dikongsikan tanpa bayaran atas tujuan pendidikan dan penyelidikan semata-mata.

Sebenarnya, terdapat banyak perkara yang tidak masuk akal mengenai hak harta intelek ini. Sebagai contohnya, pengarang atau penerbit buku diberikan perlindungan hak cipta semasa hidup dan ditambah pula lagi 50 tahun kemudiannya bagi kebanyakan negara, manakala di Amerika Syarikat dan Eropah pula ditambah 75 tahun lagi kemudiannya. Hal ini adalah hak yang lebih daripada maksud memberi insentif kepada pengarang dan penerbit, serta ganjaran atas usahanya, lalu membiarkan manusia menjadi semakin tamak.

Suatu teladan yang wajar dipelajari mengenai tokoh silam yang berjaya seperti Newton, Galileo dan Copernicus adalah mengenai betapa mereka tidak mendabik dada dengan ilmunya, apatah lagi hendak mendakwa hak ke atas ilmunya, tetapi sebaliknya sentiasa menghormati dan menyanjung ilmu yang dipelajari daripada orang sebelumnya. Newton umpamanya antara lain ada menyebut, "Sekiranya aku sememangnya dapat melihat dengan lebih jauh, hal itu hanyalah semata-mata kerana aku dapat berdiri di atas bahu "gergasi-gergasi".